

**SIARAN AKHBAR****UNTUK SIARAN SEGERA****TEROWONG GENTING SEMPAH ARAH KUALA LUMPUR DITUTUP***~ Laluan Kontra Dibuka Bagi Memudahkan Misi Menyelamat ~*

**KUALA LUMPUR, 19 OKTOBER 2022:** Pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1), ANIH Berhad mengesahkan kejadian kemalangan di terowong Genting Sempah arah ke Kuala Lumpur.

Pihak ANIH sedang membuka laluan kontra di kawasan tersebut bagi memastikan impak minimum kepada aliran trafik. Sungguhpun begitu, atas nasihat pasukan HAZMAT Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dilokasi, para pengguna lebuhraya dinasihati untuk melengahkan perjalanan mereka dan menggunakan laluan alternatif sekiranya mereka masih perlu melakukan perjalanan.

Tahap kerosakan kepada terowong Genting Sempah masih belum dapat dipastikan namun pihak ANIH menjangkakan insiden akan dapat diselesaikan pada jam 4 pagi. Segala pengurusan bencana telah diserahkan sepenuhnya kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).

Informasi terkini boleh didapati di jaringan gelap (dark site) ANIH di [http://www.anihberhad.com/?page\\_id=410](http://www.anihberhad.com/?page_id=410) dan laman sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia/ANIH Berhad di Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik dan Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur Untuk maklumat lebih lanjut, tepat dan terkini. Pengguna juga boleh menghubungi talian hotline LLM di 1800-88-7752 dan LPT - Line di 1-700- 818-700 untuk maklumat terkini.

-TAMAT-

**Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 234.5 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT meningkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:  
Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan  
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : [www.mtdgroup.com.my](http://www.mtdgroup.com.my), [www.anihberhad.com](http://www.anihberhad.com)